

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

JMG 418 – Perancangan Bandar dan Wilayah

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT (4) soalan kesemuanya. Pilih mana-mana DUA soalan daripada Bahagian A dan mana-mana DUA soalan daripada Bahagian B.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

Bahagian A (Jawab DUA soalan sahaja)

1. Baca petikan artikel National Geographic. November 2002 berjudul “Megacities” 70 – 79.
- “..... Dunia Order Baru : Dalam tahun 1950 terdapat hanya sebuah bandaraya dengan bilangan penduduk melebihi sepuluh juta orang – New York.”
 - Dalam tahun 2015 akan terdapat 21 bandaraya dengan bilangan penduduk melebihi sepuluh juta orang, dan bilangan kawasan bandar dengan bilangan penduduk lima hingga sepuluh juta orang akan bertambah dari 7 menjadi 37 buah.
 - Pertumbuhan ini akan berlaku kebanyakannya di negara-negara sedang membangun, iaitu negara-negara yang kurang mampu menyedia kemudahan pengangkutan, perumahan, bekalan air dan pembentungan.
 - Benua Asia dan Afrika, kini dua-pertiga penduduk mereka tinggal di luar bandar akan mengalami perubahan di mana pada tahun 2025 separuh daripada jumlah penduduk mereka merupakan penduduk bandar.
 - Berkata ahli pengkaji bandar (Peter Hall dan Ulrich Pfeiffer) “Kemanusiaan belum pernah mengalami fenomena (urbanisasi pesat) ini. Tidak ada panduan, tidak ada pengalaman silam sebagai contoh”.
- (a) Bagaimakah Pelan Struktur dan Pelan Tempatan dapat membantu pertumbuhan sebuah bandaraya terutama dalam konteks perancangan guna tanah dan pengangkutan? (60 markah)
- (b) Jelaskan mengapa majoriti bandaraya negara sedang membangun menghadapi masalah penyediaan bekalan perumahan, pengangkutan awam dan air bersih kepada penduduk berpendapatan rendah? (40 markah)
2. (a) Jelaskan bagaimana Pelan Strategik, Pelan Struktur dan Pelan Tempatan dapat membantu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) merancang dan mengurus pertumbuhan sesebuah bandaraya/bandar di Malaysia? Beri beberapa contoh PBT terpilih. (50 markah)
- (b) Bagaimakah komponen migrasi mempengaruhi corak guna tanah bandar terutama dalam sektor perumahan dan perindustrian? (50 markah)

3. (a) Bincangkan mengapa susunan aktiviti perancangan bandar dianggap sebagai suatu aktiviti yang berterusan tanpa batasan tempoh. (50 markah)
- (b) Pengalaman dan amalan kerajaan Malaysia merangka Rancangan Lima Tahun (Rancangan Malaysia) dan pengubahan Pelan Perspektif (Wawasan 2020) memiripkan mod perancangan bercirikan “blue-print”. Bincangkan. (50 markah)

Bahagian B (Jawab DUA soalan sahaja)

4. Bincangkan konsep-konsep asas dan kerelevanannya Teori Kutub Pertumbuhan sebagai penjelasan kepada proses pertumbuhan ekonomi wilayah dalam konteks sebuah negara sedang membangun yang anda pilih. (100 markah)
5. Nilaikan perkembangan dan pencapaian strategi penyebaran industri yang telah dilaksanakan di Malaysia sebagai salah satu strategi pembangunan wilayah. (100 markah)
6. Sebagai seorang ahli geografi anda telah diminta memberi taklimat kepada juruteknik-juruteknik di sebuah Majlis Perbandaran tentang Sistem Maklumat Geografi. Sila sediakan teks taklimat berteraskan aspek-aspek berikut:
- (a) Takrifan Sistem Maklumat Geografi. (10 markah)
- (b) Komponen-komponen utama dalam Sistem Maklumat Geografi. (40 markah)
- (c) Kegunaan Sistem Maklumat Geografi dalam kehidupan seharian. (50 markah)